



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

RESIDENSI VISTA WIRAJAYA DAN VISTA WIRAJAYA 2 BUKTI KOMITED KERAJAAN BANTU RAKYAT

KUALA LUMPUR, 14 Januari 2018 - 953 unit kediaman RUMAWIP Residensi Vista Wirajaya dan Vista Wirajaya 2 ditawarkan kepada warga Wilayah Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 548 unit Residensi Vista Wirajaya ditawarkan kepada orang ramai dan 300 unit dikhurasukan untuk staf sokongan DBKL. Manakala 105 unit Residensi Vista Wirajaya 2 adalah milik penduduk asal yang terlibat dengan pembangunan di kawasan tersebut sebagai rumah gantian.

Menurut YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan peruntukan unit kediaman yang diberikan kepada staf DBKL ini adalah untuk golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah. "Saya harap dengan tawaran pembelian rumah melalui projek RUMAWIP ini akan dapat membantu staf sokongan DBKL khususnya untuk memenuhi impian membeli rumah dengan harga yang berpatutan dengan pelbagai kemudahan bertaraf kondominum".

Projek ini akan dibangunkan oleh Ambanang Development Sdn. Bhd, anak syarikat Platinum Victory di atas tanah berkeluasan 7.63 ekar. Kedua-dua RUMAWIP ini mempunyai dua (2) blok kediaman berketinggian 30 dan 35 tingkat yang ditawarkan pada harga RM300,000 seunit. Residensi Vista Wirajaya berkeluasan 884 kaki persegi manakala Residensi Vista Wirajaya 2 berkeluasan 850 kaki persegi. Kediaman ini mempunyai tiga bilik tidur, dua bilik air dan satu petak tempat letak kereta rakyat yang dijangka siap pada tahun 2021.

Residensi Vista Wirajaya dan Vista Wirajaya 2 ini dibangunkan di lokasi yang strategik yang berdekatan dengan LRT Taman Melati. Selain itu, RUMAWIP ini juga mempunyai pelbagai kemudahan asas sedia ada seperti sekolah, kompleks membeli-belah, bank serta klinik kesihatan. Sehingga Disember 2017, projek RUMAWIP telah berjaya mencapai sebanyak 71,554 unit atau 89.44% daripada sasaran keseluruhan 80,000 unit yang ditetapkan menjelang tahun 2020 merangkumi projek di bawah kategori "Siap", "Dalam Pembinaan" dan "Kelulusan Perintah Pembangunan".

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan